

**TEKS UCAPAN**

**YAB MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**SEMPENA**

**PERSIDANGAN KEDUA  
( KHAS – BELANJAWAN TAMBAHAN )  
PENGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KE-14**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**3 SEPTEMBER 2020**

**TEKS UCAPAN  
YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BAGI MEMBENTANGKAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
TAMBAHAN PERTAMA TAHUN 2020**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

1. Saya bangun memohon izin untuk membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2020. Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang sebanyak **lima puluh juta ringgit (RM50,000,000.00)** daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

## **MUKADIMAH**

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

2. Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurniaNya, kita diberi peluang berkumpul di Dewan yang mulia ini. Disebalik wabak pandemik COVID-19 yang melanda dunia ini, kita masih lagi diberi kesihatan yang baik, dan berupaya melaksanakan tanggung jawab sebagai khalifah di muka bumi bertuah ini.

3. Sebagai mana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sedia maklum, hasil yang telah dipungut oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 yang lalu, berjumlah RM556.44 juta, merupakan rekod tertinggi dalam sejarah Negeri Sembilan. Hal ini

dikukuhkan lagi, dengan jumlah surplus sebanyak RM147.47 juta.

4. Justeru, bagi meneruskan agenda pembangunan Kerajaan Negeri semasa Belanjawan tahun 2020, saya telah menggariskan beberapa strategi, ke arah memastikan hasil negeri ini kekal lestari, dan berdaya tahan melalui pemerksaan ekonomi secara penerokaan hasil baru, perbelanjaan berhemah dan mengekang ketirisan hasil.

5. Sebagai tanda menghargai kurniaan Allah, sesuai dengan saranan-Nya dalam surah ad-Dhuha ayat 11:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ۝

yang bermaksud: “Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai tanda bersyukur kepada-Nya”

6. Ahli tafsir memahamkan kalimah

فَحَدِّثْ

bukan setakat menyebut nikmat yang diperolehi. Lebih dari itu ialah menggunakannya, memanfaatkannya serta menguruskan nikmat kurniaan-Nya dengan rasa syukur dan penuh rasa tanggungjawab.

7. Selain itu, firman Allah dalam surah Ibrahim ayat 7 yang berbunyi;

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ



Yang bermaksud: "Dan (ingatlah), tatkala Tuhanmu memaklumkan; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".

8. Kita yakin dengan janji Allah, semakin kita bersyukur, dan menguruskan kurniaan-Nya dengan penuh rasa tanggungjawab, semakin banyak dan semakin melimpah ruah kurniaan Allah ke atas kita di negeri ini. InsyaAllah.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **CABARAN COVID-19**

9. Seperti yang semua sedia maklum, wabak COVID-19 yang telah menyerang dunia, telah

memberi kesan langsung kepada pembangunan dan hasil Negeri.

10. COVID-19 telah membawa perubahan radikal yang ketara, kepada banyak sektor termasuk pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pertanian dan sektor perkhidmatan.

11. Penyebaran wabak ini mengakibatkan hampir keseluruhan sektor ekonomi lumpuh seketika, selama sebulan setengah. Namun, sektor ekonomi kini bangkit semula secara perlahan-lahan. Walaupun demikian, amalan perniagaan tidak lagi sama seperti sebelum ini. Ekonomi dunia adalah berasaskan kepada *new norm* (norma baharu).

12. Struktur ekonomi perlu dibangunkan dan diperbetulkan, Kerajaan Negeri sedar, semua ini tidak boleh dilakukan dalam tempoh masa sehari, sebulan atau setahun. Lanjutan dari situasi ini, sumber penjanaaan pendapatan rakyat juga akan terjejas dan berubah, yang seterusnya akan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi, melalui perubahan corak perbelanjaan.

13. Sehubungan itu, bagi memastikan keperluan rakyat tidak terjejas, Kerajaan Negeri amat prihatin, dan komited untuk turut bersama membantu mengurangkan beban rakyat, termasuk juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI**  
**(MMK) BERTARIKH 26 MAC 2020**



14. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) bertarikh 26 Mac 2020 yang lalu, telah bersetuju meluluskan peruntukan berjumlah RM14.9 juta, bagi melaksanakan 10 inisiatif untuk meringankan beban rakyat. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- i. bantuan *one-off* RM300 kepada peniaga/penjaja yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3 juta;
- ii. bantuan kepada pemandu teksi/kereta sewa/*e-hailing* yang berdaftar dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) secara *one-off* RM300 seorang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1 juta;

- iii. sejumlah RM5 juta untuk bantuan keperluan asas kepada golongan berpendapatan rendah dan pekerja harian yang pendapatannya terjejas akibat COVID-19;
- iv. bantuan RM500 kepada pesakit COVID-19 dan ahli keluarga dan sumbangan RM1,000 kepada waris pesakit COVID-19 yang meninggal dunia dengan jumlah peruntukan sebanyak RM500 ribu;
- v. bantuan RM1 juta untuk menampung keperluan petugas-petugas barisan hadapan;
- vi. pengecualian sewaan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk bulan Mac, April dan Mei berjumlah RM1.24 juta;

- vii. bayaran pampasan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berjumlah RM1.85 juta untuk pengecualian sewa gerai bulan Mac, April dan Mei;
- viii. peruntukan RM2 juta untuk maksud kontigensi;
- ix. penyediaan Pusat Transit Penempatan Gelandangan di Dewan Orang Ramai Tasik Jaya, Seremban dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 ribu; dan
- x. perbelanjaan tambahan bagi menampung kos operasi pusat-pusat kuarantin di Negeri Sembilan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.5 juta sehingga Disember 2020.

Jumlah ini tidak termasuk RM3.5 juta yang digunakan untuk membiayai kos pengurusan pusat kuarantin yang akan diimbuhi semula oleh Kerajaan Persekutuan.

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

15. Alhamdulillah, berkat urus tadbir kewangan yang berintegriti dan berhemah, Kerajaan Negeri tidak mempunyai masalah untuk menyediakan peruntukan tambahan tersebut. Ini adalah kerana rizab kewangan Kerajaan Negeri pada ketika ini sangat kukuh iaitu berjumlah **RM1.06 billion**, yang merangkumi **rizab tunai** berjumlah **RM274.74 juta** dan **rizab pelaburan** berjumlah **RM783.48 juta** berbanding **RM875.02 juta** pada Disember 2019 dan **RM687.77 juta** pada Disember 2018.

16. Selain daripada itu, penyata kewangan tahun 2019 yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara, telah mencatatkan rekod surplus kewangan berjumlah RM147.47 juta.

17. Oleh yang demikian, jumlah surplus yang tinggi ini merupakan satu bukti keberkesanan inisiatif dan usaha Kerajaan Negeri, dalam merealisasikan tema Belanjawan 2020 iaitu **Melestari Ekonomi Mensejahtera Rakyat.**

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **JUSTIFIKASI TAMBAHAN PERUNTUKAN**

18. Tambahan peruntukan ini bukanlah berpunca dari kegagalan pihak pentadbiran dalam mengurus Belanjawan Negeri, tetapi bertujuan untuk

menyelaras semula perbelanjaan masa lalu, agar Belanjawan Negeri kekal berada di landasan yang betul.

19. Walaupun tambahan peruntukan ini akan mengubah lanskap Belanjawan Negeri, dari belanjawan berimbang kepada belanjawan defisit. Namun, impak defisit tersebut tidaklah terlalu dirasai. Tambahan RM50 juta ini bersamaan dengan 10.94%, akan menjadikan peruntukan keseluruhan meningkat kepada RM507 juta.

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

20. Sebanyak 1 Vot Tanggungan dan 10 Vot Bekalan yang merangkumi 6 Jabatan akan terlibat dalam tambahan peruntukan ini. Tambahan-tambahan tersebut merangkumi:

- i) Tambahan peruntukan untuk **Emolumen** sebanyak **sepuluh juta lima ratus lima puluh dua ribu ringgit (RM10,552,000.00)**;
- ii) Tambahan peruntukan untuk **Bekalan dan Perkhidmatan** sebanyak **tiga juta empat ratus tujuh puluh empat ribu ringgit (RM3,474,000.00)**;
- iii) Tambahan peruntukan untuk **Aset** sebanyak **dua juta satu ratus dua puluh sembilan ribu ringgit (RM2,129,000.00)**;
- iv) Tambahan peruntukan untuk **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** sebanyak **dua puluh empat juta satu ratus dua puluh tiga ribu ringgit (RM24,123,000.00)**; dan

- v) Tambahan peruntukan untuk **Perbelanjaan-perbelanjaan lain** sebanyak **sembilan juta tujuh ratus dua puluh dua ribu ringgit (RM9,722,000.00)**

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

21. Di bawah butiran **Emolumen**, peruntukan tambahan adalah diperlukan untuk pembayaran bagi tujuan yang berikut:

- i) penyelarasan bayaran gaji kakitangan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan seramai 245 orang yang dahulunya menggunakan peruntukan dari Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya (MARRIS) berjumlah RM9.75 juta.



Jumlah perbelanjaan ini perlu diselaraskan semula secara jurnal ke akaun MARRIS lanjutan dari teguran audit pada tahun 2019 yang lalu.

- ii) Tambahan peruntukan di butiran Emolumen turut merangkumi bayaran gaji kakitangan lantikan baru seramai 187 orang dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi bulan Julai hingga Disember 2020 dipelbagai Jabatan.
  
- iii) Selain itu, tambahan peruntukan juga di perlukan berikutan Keputusan Kerajaan Negeri untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 iaitu Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup bagi

3,203 kakitangan sokongan di seluruh Negeri Sembilan dan;

- iv) Tambahan peruntukan untuk kenaikan elaun bantuan sara hidup kakitangan di daerah Jempol dan Seremban sempena pertukaran taraf Majlis Daerah Jempol, kepada Majlis Perbandaran Jempol dan Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai, kepada Majlis Bandaraya Seremban.

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

22. Tambahan peruntukan bagi butiran **Bekalan dan Perkhidmatan** yang berjumlah **tiga juta empat ratus tujuh puluh empat ribu ringgit (RM3,474,000.00)** turut diperlukan antaranya untuk tujuan yang berikut;

i) Pembayaran bil elektrik lampu jalan di jalan-jalan Negeri berjumlah RM2 juta yang sebelum ini dibayar menggunakan peruntukan MARRIS, perlu ditanggung menggunakan peruntukan Negeri.

Tambahan peruntukan diperlukan, agar selaras dengan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri MARRIS yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

ii) Selain daripada itu, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan kenaikan kadar baharu bagi tuntutan elaun perjalanan antara 10 sen hingga 15 sen per kilometer sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 dan WP1.5.

## **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

23. Tambahan peruntukan bagi butiran **Aset** turut diperlukan dengan jumlah **dua juta satu ratus dua puluh sembilan ribu ringgit (RM2,129,000.00)** untuk tujuan yang berikut;

- i. perolehan 2 buah kenderaan rasmi Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan berjumlah RM1.1 juta; dan
- ii. menyelaras semula perolehan 9 unit kenderaan pacuan 4 roda Toyota Hilux berjumlah RM1.029 juta yang telah dibayar menggunakan peruntukan MARRIS.

## **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

24. Selain itu, tambahan peruntukan yang paling signifikan adalah di bawah butiran **Objek Am 40000** iaitu **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** dengan jumlah **dua puluh empat juta satu ratus dua puluh tiga ribu ringgit (RM24,123,000.00)**.

25. Peruntukan ini termasuklah caruman ke beberapa Akaun Amanah, seperti Akaun Amanah Permasalahan Rakyat dan Akaun Amanah Bencana Alam untuk menjaga kepentingan rakyat. Pelbagai bantuan telah diberikan yang merangkumi keperluan semua golongan rakyat dengan jumlah RM14.9 juta seperti yang telah saya bangkitkan sebentar tadi

## **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

26. Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 turut memberi kesan yang sangat ketara kepada kutipan hasil Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sembilan. Antaranya, penurunan kutipan bayaran parkir kenderaan, fees perniagaan, kutipan sewa gerai dan rumah rakyat, permit, lesen dan sebagainya.

27. Sehubungan itu, bagi meringankan beban yang ditanggung oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan pampasan sebanyak RM1.85 juta bagi menggantikan kehilangan hasil akibat daripada pengecualian bayaran sewa gerai dan rumah rakyat Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk rekod

sejumlah 6,666 gerai telah menerima pengecualian sewaan bagi tempoh tersebut.

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

28. Tambahan seterusnya diperlukan berikutan dari pertukaran pentadbiran di peringkat Persekutuan. Kerajaan Negeri tetap komited bagi memastikan program dan aktiviti masyarakat setempat terus berjalan. Sehubungan itu, sebanyak RM4.221 juta perlu dicarumkan ke Akaun Amanah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk tujuan tersebut.

29. Pada 10 Julai 2020 yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan perubahan kepada Had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dari RM980.00 kepada RM2,208.00. Perubahan ini

pastinya akan meningkatkan jumlah ketua isi rumah dalam kategori Miskin dan Miskin Tegar di Negeri Sembilan.

30. Justeru sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri telah bersetuju membuat caruman sebanyak RM500 ribu kepada Akaun Amanah Keluarga Miskin Daerah bagi pelaksanaan program yang boleh menjana ekonomi keluarga Miskin Tegar dan Miskin di daerah-daerah.

### **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

31. Salah satu hikmah yang tersembunyi akibat COVID-19 ini adalah bercambahnya aktiviti perniagaan atas talian, mahupun perniagaan secara mikro. Semasa Belanjawan 2020 yang lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan RM5 juta untuk



Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS). Alhamdulillah, sehingga 31 Ogos 2020, seramai 640 usahawan mikro telah menerima geran dengan kadar maksimum RM3 ribu seorang. Manakala 800 lagi permohonan sedang diproses.

32. Sehubungan itu, saya memohon tambahan RM1 juta, dapat diluluskan yang menjadikan jumlah keseluruhan TUNS tahun 2020, berjumlah RM6 juta.

33. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana untuk rekod, sehingga 2 September 2020, sebanyak 6,000 permohonan telah diterima secara atas talian.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

34. Tambahan peruntukan terakhir adalah di bawah butiran **Objek Am 50000, iaitu Perbelanjaan-perbelanjaan Lain** dengan jumlah **sembilan juta tujuh ratus dua puluh dua ribu ringgit (RM9,722,000.00)**.

35. Tambahan ini adalah untuk pelarasan hapus kira bagi penutupan Akaun Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (KWABA), lanjutan dari teguran audit semasa Pengauditan Penyata Kewangan Negeri Sembilan (Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air) bertarikh 13 Mac 2020 yang lalu.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

36. Sekian penerangan saya dan dengan ini saya mencadangkan agar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2020 dibacakan untuk kali kedua.

Sekian, terima kasih.